

**Naib Presiden Filipina Tiba Untuk Lawatan Tiga Hari Ke Malaysia**  
**Bernama**  
**27 Mei, 2012**

SEPANG, 27 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Filipina Jejomar C. Binay tiba di sini bagi memulakan lawatan kerja tiga hari ke Malaysia untuk meningkatkan hubungan ekonomi dua hala.

Beliau dan delegasinya disambut Timbalan Menteri Luar A. Kohilan Pillay di Lapangan Terbang Antarabangsa KL. Turut hadir Duta Besar Malaysia ke Filipina Datuk Seri Dr Ibrahim Saad.

Binay mengetuai delegasi 35 anggota yang terdiri daripada ahli perniagaan dan pegawai kerajaan bagi mempromosi pelaburan di Filipina. Ini merupakan lawatan pertama pemimpin atasan Filipina sejak 2007.

Isnin, Binay yang juga Presiden Kebangsaan Pergerakan Pengakap Filipina dan Pengerusi Jawatankuasa Pengakap Rantau Asia Pasifik bagi Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia, dijangka berinteraksi dengan Ketua Pengakap Negara Datuk Seri Dr Shafie Mohd Saleh dan anggota Persekutuan Pengakap Malaysia.

Binay juga dijadual bertemu anggota Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia pada satu majlis makan tengah hari dan melawat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di Kuala Lumpur.

Selain itu, beliau dijangka meluangkan masa untuk bertemu dan berinteraksi dengan komuniti Filipina serta merasmikan bangunan pejabat kedutaan besar yang baru diubah suai.

Pada Selasa, Binay dijemput sebagai tetamu kehormat dan menyampaikan ucap-tama pada Forum Perkongsian Pelaburan Filipina-Malaysia.

Beliau juga dijangka melakukan kunjungan hormat ke atas bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668998>